

Syor tunda tarikh Perhimpunan Agung UMNO ditentukan MT

UM 18 FEB 2003

KUALA LUMPUR 17 Feb. — Cadangan untuk menunda tarikh Perhimpunan Agung UMNO daripada jadual asal pada Jun ini akan ditentukan oleh Majlis Tertinggi (MT), kata Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurut beliau, cadangan itu perlu dibawa ke mesyuarat MT akan datang untuk dibincangkan sebelum sebarang keputusan dibuat.

“Biasanya Presiden dan Majlis Tertinggi akan menentukan (keputusan menunda

Perhimpunan Agung UMNO),” katanya yang juga Menteri Pertahanan selepas mempengerusikan Mesyuarat Ke-3 Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Khidmat Negara di sini, hari ini.

Najib mengulas kenyataan Ketua Pengerangan UMNO, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob bahawa ada cadangan untuk menangguhkan Perhimpunan Agung UMNO pada Jun ini ditangguh sehingga Oktober iaitu sebaik sahaja selesai sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di sini.

Penangguhan itu bagi membolehkan ia disesuaikan dengan suasana peralihan kuasa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang juga Presiden UMNO pada bulan Oktober ini.

Ruangan *Bisik-Bisik Mingguan* oleh Awang Selamat dalam *Mingguan Malaysia* semalam turut menyentuh mengenai terdapatnya pandangan supaya Perhimpunan Agung UMNO ditangguhkan ke Oktober agar ia menjadi acara terakhir untuk Dr. Mahathir sebelum beliau mengundur diri.